

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTA JAM)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 11.06.2014

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan ambil untuk mengatasi masalah hutang isi rumah negara yang merupakan yang tertinggi di Asia iaitu 86.8% GDP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB

Kubang Kerian dan YB Bukit Mertajam yang dijadual pada hari ini bersama pertanyaan YB Alor Gajah yang dijadual pada 12 Jun 2014, memandangkan ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Dalam menangani masalah hutang isi rumah di Malaysia, sejak tahun 2010 lagi, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah progresif bagi memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah yang kukuh dan mampan. Langkah-langkah ini pula diperkenalkan secara beransur-ansur bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:

a. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan institusi bank dan bukan bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

- b. Menetapkan nisbah pinjaman maksimum (loan-to-value ratio) pada 70% bagi pinjaman perumahan ketiga dan ke atas;
- c. Mengetatkan syarat pemilikan kad kredit untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit serta menghendaki pengeluar kad kredit mengamalkan pendekatan perniagaan yang lebih wajar dan telus;
- d. Mengeluarkan garis panduan mengenai amalan pembiayaan yang bertanggungjawab secara rasmi, yang menghendaki institusi kewangan membuat penilaian kemampuan bakal peminjam berdasarkan pendapatan bersih setelah potongan berkanun serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa; dan
- e. Menghadkan tempoh pinjaman perumahan daripada sehingga 45 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan peribadi daripada sehingga 25 tahun kepada 10 tahun. Institusi kewangan juga dilarang menawarkan pembiayaan peribadi tanpa permohonan daripada peminjam dan memastikan penyedia pinjaman bukan institusi

perbankan seperti koperasi, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan turut mengamalkan syarat pinjaman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping langkah-langkah mengawal hutang isi rumah, tumpuan turut diberikan kepada pendidikan kewangan dalam meningkatkan keupayaan mengurus kewangan oleh sektor isi rumah. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan melengkapkan sektor isi rumah dengan kemahiran pengurusan wang dan menggalakkan pengambilan hutang secara berhemat, sekali gus menghindari kemungkinan beban keberhutangan yang meningkat pada masa hadapan.

5. Dalam pada itu, usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengurusan kewangan di kalangan rakyat dipergiatkan lagi melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Sejak tahun 2013, AKPK telah

memulakan program pendidikan kewangan di tempat kerja melalui perkongsian dengan sektor awam dan sektor swasta, termasuk agensi-agensi Kerajaan. Selain itu, pendidikan kewangan juga telah dilaksanakan di peringkat sekolah, kolej vokasional dan universiti serta bagi pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memastikan tenaga kerja pada masa akan datang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sejak pelaksanaan langkah-langkah ini, kadar peningkatan jumlah hutang isi rumah adalah lebih sederhana iaitu sebanyak 11.7% pada tahun 2013, berbanding 13.5% pada tahun 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan hutang isi rumah dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang terkawal serta keupayaan membayar balik hutang kekal utuh.